

KENYATAAN SEBUT HARGA

UTeM/SH/051/2022

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL PERALATAN SUKAN (PAKAI HABIS) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

Tarikh Sebut Harga Dipamer	16 OGOS 2022	Harga Naskah Meja	RM26.00
Tarikh Sebut Harga Dijual	16 OGOS 2022 hingga 25 OGOS 2022		
Tarikh & Masa Sebut Harga Ditutup	30 OGOS 2022 sebelum atau pada jam 12:00 Tengah hari		

WAKTU PEMBELIAN NASKAH SEBUT HARGA UTeM:

Hari Operasi	Waktu
Isnin hingga Jumaat	Dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dilakukan.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Dalam tempoh 24 jam pada hari operasi berikutnya.

ARAHAN DAN MAKLUMAT KEPADA PEMBEKAL / KONTRAKTOR / SYARIKAT

- Sebut harga ini dipelawa kepada pembekal yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan memiliki sijil-sijil seperti berikut:
 - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN, KOD BIDANG:**

030501 [Peralatan Sukan Padang, Gelanggang, Rekreasi, Taman Permainan, Kecergasan Dan Sukan:- Peralatan Sukan] **ATAU**

030599 [Peralatan Sukan Padang, Gelanggang, Rekreasi, Taman Permainan, Kecergasan Dan Sukan:- Pembuat] **DAN**
 - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN BERTARAF BUMIPUTERA**
- Pembelian Naskah Sebut Harga:**
 - Penyebut Harga yang berminat dengan tawaran sebut harga ini boleh **membeli Naskah Sebut Harga secara atas talian sahaja.**
 - Penyebut Harga perlu **memastikan syarikat memiliki sijil-sijil yang dinyatakan dan kod bidang yang ditetapkan serta melampirkan bersama tawaran sebut harga ini**, penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tidak memenuhi syarat ini.
 - Penyebut Harga yang **berdaftar dan aktif dalam e-Vendor UTeM sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian naskah sebut harga ini.** Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran/sijil ke perolehan@utem.edu.my. Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan penyertaan syarikat **DIBATALKAN**.
 - Penyebut Harga perlu memastikan Perkara 2.b dan 2.c dipatuhi sebelum membuat pembayaran secara atas talian di link berikut: <https://epayment.utem.edu.my/perolehan/>
 - Dokumen Sebut Harga **akan diemelkan** kepada Penyebut Harga **setelah pembayaran diterima.**

UTeM/SH/051/2022

- f. Pihak Universiti berhak untuk **tidak mengembalikan bayaran yang telah dilakukan** sekiranya didapati **syarikat tidak memenuhi syarat yang telah dinyatakan** pada Kenyataan Sebut Harga ini.

3. Penghantaran Dokumen Tawaran Sebut Harga:

- Dokumen tawaran sebut harga perlu dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy) dan perlu dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri. Penyebut Harga perlu memastikan nombor sebut harga dipaparkan pada sampul surat tersebut.
- Penyebut Harga perlu memasukkan dokumen tawaran sebut harga ke dalam peti sebut harga yang betul di Kaunter Unit Perolehan, Pejabat Bendahari UTeM sebelum jam 12:00 tengahari pada hari sebut harga ditutup. Sebarang kelewatan penghantaran dokumen tidak akan dilayan.



Tandatangan

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Penolong Bendahari Kanan
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Cap Jawatan